

**BAB KESIMPULAN**  
**ANALISA PENINGKATAN**

## a.) TUNTUTAN DAN KESAN SYAHADAT DAN AS PERHIMPUNAN PERTAMA MUSLIM.

### a.) i) Tuntutan Syahadat dan Aspek Perihimpunan Pertama Zahir Dan Batin.

Dalam bahagian itu juga kita akan membincangkan beberapa konsep tentang dalam aspek syahadat terutamanya pengertian cengkak ibadan, sebahagiannya dan seterusnya tuntutan ibadan itu sendiri.

#### Pengertian Ibadah.

Menurut Qamus al-Munjid, perkataan ibadan pada narasanya mempunyai makna teat.<sup>1</sup> Di dalam Al-Qur'an ia disebut al-Uhudian yang bermaksud turcuk dan merendah.

Di dalam Lisanul Arab juga menjelaskan bahlawa erti ubudian (بُهْلَاء) turcuk dan merendah di sini.<sup>2</sup> Ini jelas sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang berbunyi:

لَا يقْلِ أَحَدُكُمْ لِمَلْوَكَهِ عَبْدِيٌّ وَأَمْتَيٌّ وَلَا يقْلِ  
فَتَاهٍ وَفَتَاهٍ .

<sup>1</sup> Jame'uddin Muhammad b. Bakr b. Muzahir, Lisanul 'Arab, Juz' 4, Dar Sadr, Beirut, 1956, hal. 768.

<sup>2</sup> Tahir Anzaad Azzawi, op. cit., art. 311.

"Janganlah ada di antara kalian yang mengelarqil hadia sahanya dengan panggilan abdi (hamba Allah) dan amati (hamba perempuan) tetapi hendaklah ia mengelarqil hadia sahanya dengan panggilan fataya dan fatati".

Tujuan Nabi tidak berbenarkan hadia sahanya menggunakan panggilan abdi dan Amati untuk mengelakkan rasa takut atau besar diri seseorang Tuhan terhadap hambinya ketancat yang berlakuk menggunakan perkataan itu banyalah Allah s.w.t seadaja.<sup>3</sup>

Manakala pengertian ibadah mengikut Isti'lahnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Taimiah di dalam kitabnya al-Ubdiah bahawa ibadah dengan makna sebenar merangkumi semua perkara yang dilakukan oleh manusia untuk mencapai kedekuan Allah samada dari segi perkataan ataupun perbuatan zahir atau batin.<sup>4</sup>

#### b. Pembahagian Ibadah.

Sebagaimana pergerakan ibadah di atas, Syeikh Ibnu Taimian telah membahagikan ibadah itu kepada dua jenis iaitu ibadah zahir dan ibadah batin.

#### i. Ibadah Zahir.

<sup>3</sup> Dr. Yusuf al-Qardowi, al-Ibadah fi Islam, diterjemah al-Risalah Minnit, cetakan ke 17, 1985, hal. 77.

<sup>4</sup> Ibnu Taimian, al-Ubdiah, ijazah al-Saudi Arabiyyah, Riad, 1404H hal. 8.

Taitu ibadah yang dianggap perakapan dan juga perkataan.<sup>5</sup>

Ibn Taimiah telah memberi contoh yang termasuk dalam ibadah ini iaitu sebaiknya yang, zakat, puasa, salat, berwakap benar, menunaikan janji, berbuat baik dengan diri bapa, menghubungkan tali silaturrahim, memenuhi janji, menyuruh anak buahnya untuk melaungkan kejahanatan, jihat ke atas orang-orang kafir dan munaafiqin, berbuat baik kepada jiran, anak-anak yatim dan orang-orang miskin.<sup>6</sup>

Ibadah ini dapat pula dibahagikan kepada dua jenis iaitu ibadah yang wajib dan ibadah yang sunat. Contoh ibadah yang faridu seperti sebaiknya lima waktu, sebaiknya Jumaat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dari sebagainya. Hal ini kita boleh lihat sebagaimana firman Allah s.w.t:

**حُفظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَى وَقَوْمُهُ لَهُ قُنْتَبِينَ**

Maksudnya:

"Jagalah sebaiknya dan sebaiknya Azan dan dirikanlah kerana menantikan pertutuan Allah."<sup>7</sup>

Firman Allah s.w.t bagai:

**شَهْرٌ مُضْيَانٌ الَّذِي أَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْآنَ هُدًى لِلنَّاسِ  
وَبَيَّنَتْ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَنَّ شَهْرٌ مِنْكُمُ الشَّهْرُ  
فَلِيَعْمَلُهُمْ .**

<sup>5</sup> Ibn. Qayyim, op. cit., hal. 101.

<sup>6</sup> Ibn. Taimiah, op. cit., hal. 8.

<sup>7</sup> Al-Quran, Surah al-Baqara, ayat 238.

ilaksudnya:

"Dalam bulan Ramadhan itu diturunkan al-Quran, pihapinat untuk manusia dan perjalan mengarai petunjuk itu dan pengetahuan (antara yang diketahui yang batin), seviaya yang menyaksikab anak bulan itentah dia makan mendaklah dia berpuasa." <sup>8</sup>

Manakala ibadah itu dalam sumbu pada kebagaianan yang disebut dalam Kitab-kitab seolah sebahiyang suatu ibuatan, sembahyang terawih, sebahyang dirgahari raya, puasa hari Rasyid, memuji al-Quran dan sebagainya.

### iii. Ibadah Batin.

Ibadah ini termasuk dalam perkataan hati dan amalan-amalannya.<sup>9</sup>

Ibn. Taimiyyah telah memberi contoh tentang ibadah ini iaitu cinta kepada Allah dan Rasulnya, rasa takut kepada Allah, ikhtisas dalam beribadah, sabar terhadap hukum-hukum Allah, syukur akan nikmatnya, redha akar penentunya, takut akan azab azabnya dan lain-lain perkara yang termasuk dalam ibadah.<sup>10</sup>

Ibn. Qayyim telah menyebutkan bahwa ibadah batin ini terbahagi kepada perkataan hati dan perbuatannya. Yang pertama yang kita tahu yakini segala yang diberitahu oleh Allah melalui Rasulnya termasuk lain nama-nama Allah, sifat-sifatnya juga pertuatannya, tentang malaikat dan sebagainya.

<sup>8</sup> Surah al-Baqarah, ayat 185.

<sup>9</sup> Ibnu Qayyim, op. cit., hal. 300.

<sup>10</sup> Ibnu Taimiyyah, op. cit., hal. 3.

Batagian yang kedua seperti kisir kepada Allah, bertawakkal, pertolongan pertolongan hanya kepadaNya, ikhlas dalam amalan, sabar di atas perintahNya, redha kepadaNya.<sup>11</sup>

Ibadah tidaklah tertutup kepada perkara-perkara yang dijelaskan di atas se獨ja bahkan juga termasuk berba'amanah sesama manusia, bergaul dengan ibubapa, berbuat baik kepada orang miskin, mendong orang yang teranjaya, memberi makan kepada orang yang taper, melawat orang yang sakit, begitu juga dalam bidang perniagaan dan sebagainya dengan syarat semua yang dilakukan di atas itu buak kerana untuk mendapat pujian dari manusia tetapi dilakukan ikhtisas kerana Allah S.w.t.<sup>12</sup>

Dari penjelasan tentang pengertian dan jenis-jenis ibadah di atas, kita dapat memahami hadiwé ihaddz yang disyari'atkan itu mempunyai dua tuntutan sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi iaitu:

- a. Berpegang teguh kepada apa yang disyari'atkan oleh Allah dan apa yang diberitahu oleh Rasulullah sama'ā berbentuk suruhan atau larangan. Kerana itu tidak akan makan sebagai nambah Allah mereka yang

---

<sup>11</sup> Ibn. Qayyim, op. cit., hal. 100.

<sup>12</sup> Abu 'Ila Maududi, *Rabadij al-Islam*, Dar al-Kitab al-'Arabiyyah, Beirut, cetakan keempat, 1967, hal. 5.

mengabaikan perintahNya, atau pun mengilah petunjuknya, rasa bert-hati untuk menjunjung syari'atNya sekalipun ia mengakui Allah itu sebagai pencipta. Begitu juga kaum masyrikin. "Arab dahulu mereka mengakui Allah itu sebagai penciptanya dan juga memberi rezeki, tetapi Allah tidak menggelarkan mereka itu sebagai angkinan."

b. Sikap berpegang teguh ini adalah berdasarkan rasa cinta yang sebenarnya kepada Allah s.w.t kerana tidak ada yang lain yang patut dicintai selainkan kepada Allah s.w.t sahaja. Dia adalah yang memiliki segala keutamaan dan kebaikan. Dia yang menjadikan segala yang ada di bumi ini dan dia yang menyempurnakan ni'matnya ke atas manusia. Kerana itu tidak ada yang layak dicintai melebihi daripada cinta kepada Allah.<sup>13</sup>

#### 4.1.2 Tuntutan Syahadah Merangkumi Masalah-masalah 'Aqidah.

'Aqidah Islamiyah menjadi asas tegaknya Islam yang menuntut pengaruhnya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t yang Maha Esa. Hal ini terkandung di dalam pernyataan Fa i laba illallah. Iman seseorang tidak akan sempurna melainkan tegaknya di atas asas kalimah ini. 'Aqidah ini merangkumi banyak perkara termasuk di dalam perkara ini

<sup>13</sup>Dr. Yusuf al-Qardawī, op. cit., hal. 32-33.

beriman dengan rukun-rukun iman sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w sebagai jawaban kepada soalan yang dikemukakan oleh malaikat Jibril alaihi salam, iaitu:

**أَخْبَرَنِي هُنَ الْمُتَّهِّدُونَ، قَالَ: أَنَّمَا مِنْ إِيمَانِهِ وَمِنْ دُلُوكَتِهِ وَكُتُبِهِ  
وَرِسْلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمِنْ بِالْقَدْرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ . . . .**

Maksudnya:

"...Terangkan kepadaku tentang iman, jawab Nabi s.a.w, iman itu ialah beriman dengan Allah, beriman dengan para malaikatNya, beriman dengan kitab-kitabnya, beriman dengan Rasul-Rasulnya, beriman dengan qadar baik ataupun buruk, . . ."<sup>14</sup>

Oleh kerana Allah s.w.t dan Rasulnya menyuruh kita beriman dengan rukun-rukun iman, maka beriman dengan rukun iman tersebut termasuk perkara yang dituntut oleh syahadah kerana sebagaimana yang dijelaskan pada bab yang terdahulu bahawa pengertian ibadah itu ialah tunduk dan patuh segala yang diperintah oleh Allah s.w.t dan RasulNya.

Ini jelas sebagaimana yang dijelaskan oleh Said Hawwa dalam al-Islam bahawa penyaksian ta'tha il-Hallah itu disebut secara jelas pada rukun iman yang pertama iaitu beriman kepada Allah. Dan penyaksian Muhammadiyah Rasulullah termasuk dalam rukun yang kedua iaitu percaya kepada Rasul. Beriman dengan Rasul itu menuntut kita beriman dengan semua Rasul-rasul. Dan setiap yang beriman kepada Allah dan Rasul maka dia mesti beriman dengan para malaikat, kerana Rasul itu mendapat perintah dan panduan melalui perantaraan dari malaikat.

<sup>14</sup> Abu al-Hussin: Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi, tp. cit, hal. 37.

Sesiapa yang beriman dengan Allah, Rasul dan para malaikatNya maka ia beriman dengan waliyu Allah, dan sesiapa yang beriman dengan wahyu Allah maka ia beriman dengan Kitab Allah. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah, Rasul, malaikat dan kitabnya maka ia mestinya beriman dengan hari kematian kerana semua itu diberitahu oleh para Rasul. Begitu juga dengan qada dan qadar.<sup>15</sup>

### 3.1.3 Syahadah sebagai sistem kehidupan.

Islam merupakan suatu agama yang lengkap dan menyeluruh. Ianya merangkumi perkara-perkara berhubung 'Ulikad (kepercayaan), imadah, akhlak, undang-undang dan juga meliputi semua perkara yang berhubung dengan kehidupan manusia, sebagaimana firman Allah s.w.t:

**مَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ .**

Maksudnya:

"Kami tidak topakan sedikitpun dalam al-kitab."<sup>16</sup>

Sebagai umat Islam yang telah menyakini tentang Islam itu mestinya menyakini tentang keesaan Allah dan menjadi kewajiban kepada mereka melaksanakan segala yang diperintah oleh Allah s.w.t. Sayid Quth telah menjelaskan dalam bukunya Ma'alim Fi Tariq di bawah tajuk ini tentang Allah sebagai sistem hidup bahawa bukanlah menjadi hamba bagi Allah. Allah sebagai sistem hidup bahawa bukanlah menjadi hamba Allah yang sebenar seseorang yang tidak menyakini keesaan Allah s.w.t.<sup>17</sup>

<sup>15</sup> Said Hawwa, al-Islam, op. cit., hal. 28.

<sup>16</sup> Surah al-An'am, ayat 38.

<sup>17</sup> Sayid Quth, Ma'alim fi al-Tariq, Dar al-Syuruq, Beirut, 1983

terjemah ke 10, hal. 94.

Firman Allah s.w.t :

**وَقَالَ اللَّهُ لَا تَتَخَذُوا إِلَهَيْنِ اثْنَيْنِ إِنَّمَا هُوَ اللَّهُ وَاحِدٌ  
فَبِإِيمَانِ فَارِهِبُونَ وَأَهْمَافِ الْمُنْدُورَاتِ وَالْأَرْضِ وَلِهِ الدِّينُ  
وَاصْبِرْ بِاَفْغِيرَاهُ تَتَقَوَّلُ .**

Maksudnya:

"Dan Allah berkata janganlah kamu adakan dua Tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan itu Hanya Esa. Dan kepadaaku hendaknya kamu takut. Dan kepuasaan Allah apa yang ada di langit dan di bumi, dan agama itu selamatnya untuk Tuhan, apakah kepada yang lain kamu berbakti."<sup>18</sup>

Dan bukan juga hamba Allah mereka yang melakukan syiar dan lambang pengabdian kepada yang lain dari Allah.

Firman Allah s.w.t :

**قُلْ إِنِّي صَلَّيْتُ وَنَسَكَيْتُ وَحْيَانِي وَمَاتَنِي اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ  
لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ**

Maksudnya:

"Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidup dan matiku adalah kerana Allah, Tuhan sekelian alam, tiada sekatan bagiNya, dan begitulah aku diperintah dan aku adalah orang Islam yang pertama."<sup>19</sup>

Bukan hamba Allah juga mereka yang memerlukan peraturan dan undang-undang yang lain dari Allah, metafikan jalan yang tetapi Allahampaikan kepada kita melalui Rasulnya, sebagaimana firman Allah s.w.t :

**وَمَا أَتَكُمُ الرَّسُولُ فَخَذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا .**

<sup>18</sup> Surah an-Nahl, ayat. 61-62.

<sup>19</sup> Surah al-An'am, ayat. 162-163.

Maksudnya:

"Dan apa yang dibericikau oleh Rasul kepada kamu, maka ambillah, dan apapun yang ia larang maka jauhilah."<sup>20</sup>

Dari Syahadah int., dapat membuktikan kita ke arah mengenali istilah dan ciri-ciri masyarakat Islam dan memberi pedoman untuk menghadapi masyarakat jahiliyah. Dan dari apa yang dijelaskan sebelum ini, dapat difahami tentang masyarakat Islam iaitu masyarakat yang menjelma di dalamnya pengabdian kepada Allah s.w.t di dalam kepercayaan anggota-anggotanya dan juga gambaran pemikiran mereka, juga dalam kehidupan, peraturan kemasyarakatan serta undang-undang mereka. Bila aspek-aspek di atas meleweng ataupun tidak wujud maka istilah masyarakat Islam tidak akan wujud.<sup>21</sup>

Mengikut Said Hawwa, kehidupan Islam ini tidak akan tegak di atas dasar yang lain dari Islam ataupun berdirinya di atas dua buah iaitu Islam dan bukan Islam.<sup>22</sup>

Firman Allah s.w.t :

ان الحكمة لـلله امـرـاـتـهـ اـلـاـيـاهـ ذـلـكـ الدـينـ  
الـقـيـمـ

<sup>20</sup> Surah al-Hasyr, ayat 7.

<sup>21</sup> Sayid Qutb, op. cit, hal. 87.

<sup>22</sup> Said Hawwa, op. cit, hal. 114.

Maksudnya:

"Semua tukim itu kepunyaan Allah, kami diperintah supaya menyembah Allah sahaja. Itulah agama yang lurus."<sup>23</sup>

**Mohd Mokhtar Shafie** dalam karya tulisannya bertajuk **Maududi dan Pemikirannya** Dalam Dakwah Islam menyebutkan bahawa tuntutan-tuntutan kalimah syahadah itu ialah:<sup>24</sup>

- i. Seseorang itu tidak mempercaya selain dari Allah yang mempunyai sebarang kuasa.
- ii. Hanya Allah merupakam puncak kekuasaan.
- iii. Semua makhluk berada di bawah kerajaan Allah.
- iv. Hanya kepada Allah sahaja yang berhak ditunaikan segala perihadatan.
- v. Allah sahaja pemilik haqiqi kepada pemerintahannya dan hanya Allah pencipta haqiqi kepada makhluknya. Tiada hak sedikit pun bagi yang selain Allah.
- vi. Bebas dari rontulan hawa nafsyu dan menjadi hamba yang setia dan ikhlas kepada Allah semata-mata.
- vii. Menganggap bahawa dirinya tidak memiliki sesuatu, sehingga dirinya sendiri adalah milik Allah dan dia hanyalah pemegang amanah Allah sahaja.

<sup>23</sup> Surah Yusuf, ayat 40.

<sup>24</sup> Mohd Mokhtar Syafee, Maududi dan Pemikirannya Dalam Dakwah Islam, Islamika II, Percetakan Interprise, 1982, hal. 54.

- viii. Menjadikan keredaan Allah sebagai ukuran kepada apa yang disukainya.
- ix. Menjadikan tujuan utama hidupnya dan curahkan tenaganya hanya untuk mencari keredaan Allah.
- x. Menerima hanya panduan Allah sahaja di dalam hal yang berhubung dengan akhlak, murahalat, kehidupan, sosial, ekonomi, politik dan semua sistem yang berhubung dengan kehidupan dan mengelak seberang cara yang bertentangan dengan syariat Allah.

Razali Samad menambah dalam hal tuntutan syahadah ini, pendaklah dalam diri seseorang itu:<sup>25</sup>

- i. Tiada yang ditakuti melainkan Allah s.w.t.
- ii. Tiada yang lain yang dicintai melainkan kepada Allah.
- iii. Tiada yang lebih agung melainkan Allah.
- iv. Tiada tempat merendah diri dan bertawakkal melainkan kepada Allah.
- v. Tiada hukuman melainkan hukuman Allah.

Kesimpulan yang dapat dibuat dari penjelasan di atas ialah

<sup>25</sup> Razali Samad, "Memintaikan tuntutan dua kalimah syahadah", *Sabah Berita Harian*, 26hb, November 1989, hal. 7.

menjadi kewajiban kepada setiap individu agar him memahami betul-betul akan hak dan tuntutan kahfah syahadah tersebut, bukan hanya sekadar pandai mengalafakannya tidak sahaja. Hadir guna mereka yang pandai menyebutnya tetapi tidak cuba akan kehendak-kehendaknya.

#### a.2) KESAN SYAHADAH DALAM KEHIDUPAN MANUSIA.

Apabila seseorang itu telah mengamalkan tuntutan-tuntutan syahadah sebagaimana yang penulis telah jelaskan sebelum ini, dan mereka itu benar-benar beriman dengan Allah dan mentauhidkanNya dengan sepenuh jiwanya nescaya iaanya akan meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri seseorang itu dan juga kepada masyarakat. Di dalam penerisan ini penulis cuba membahaskan kesan syahadah kepada kehidupan individu dan juga kesan kepada masyarakat.

##### a.2.1) Kesan kepada kehidupan individu.

###### a. Recintaan mutlak kepada Allah dan Rasul.

Salah satu daripada tegar syahadah terhadap seseorang itu ialah ia akan memberi sepenuh kecintaan kepada Allah dan RasulNya. Intiaan itu tahir dalam percakapan, perbuatan dan segala gerakan intiaan itu samada dalam keadaan bersendirian ataupun di hadapan orang lainnya samada dalam keadaan bersendirian ataupun di hadapan orang lainnya. Sekiranya dalam hati seseorang itu masih ada sesuatu yang lain yang lebih dicintai dari pada Allah dan RasulNya, hal itu menunjukkan keimanaannya masih temui dan merata itu belum lagi menyakini

dengan sebenarnya. Kalau bukan syababah,<sup>26</sup>

Bila mereka belum bertawakal, mereka akan mengasihinya sesuguh kerana Allah. Ia akhirnya membawa mereka takut dan gentar terhadap Allah. Apabila ia melakukan sebarang dosa atau kesalahan, ia akan segera bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah. Firman Allah s.w.t:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحْشَاءً أَوْظَاهُوا نَفْسَهُمْ  
ذَكَرُوا إِنَّهُ فَاسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ  
الذُّنُوبُ إِلَّا هُوَ الْأَعْلَمُ وَلَمْ يَهْمِهِ رَوْاْءِ عَادٍ وَهُمْ يَعْلَمُونَ .

**Maksudnya:**

"Dan orang-orang yang apabila mereka ini berbuat kejahatan atau menzalimi diri mereka, mereka ingat akan Allah lalu meminta ampun atas dosanya itu. Dan tidaklah yang memaafkannya dosa mereka kecuali Allah. Mereka itu tidak berkekalan di atas perbuatan yang lalu sedang mereka mengelakui."

Keduaan ini telah menjatikkan seorang mukmin itu sentiasa taat kepada perintah Allah dan mengajari segala laranganNya.<sup>27</sup>

Muhammad bin 'Abdu'l Wahhab menerangkan hal ini dalam bukunya Mukhtasar Sirah al-Rasul. Ketika有一次, Abu Abbay bertanya kepada Umar Al-Khatib, apakah yang menyebabkan beliau diberi gelaran al-Faruq.

<sup>26</sup> Ismail Qamis, "Pecahan 'Aqidah Dalam Pembentukan Peribadi" Majalah Hikmah, Januari-Juli, 1988, diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Sabah, hal. 18.

<sup>27</sup> Surah al-'Imran ayat 139.

<sup>28</sup> Wahabi Sulaiman (edisi) al-Wabti, Arkan al-Iman, Muassasah al-Risalah, Beirut, Cetakan ketiga, 1988, hal. 103-104.

'Umar mencatatkan hadisnya bahwa Rasulullah pernah mengatakan bahwa yang tidak pernah dia hukumnya kecuali Al-Lah, dan yang dia hukumnya adalah orang-orang Islam, dan yang menjadi titik tolak dalam ketakwaan seseorang ayat al-Qur'an laitut:

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْأَكْبَرُ

Maksudnya:

"Diolah Al-Lah, Tiada halan melainkan Dia, Dia yang mempunyai nama-nama yang paling baik."<sup>29</sup>

Setelah mendengar ayat tersebut Tiada lagi yang dicintai di bumi ini melainkan kepada Allah dan RasulNya.<sup>30</sup>

### b. Kebebasan jiwa dan kehormatan diri.

'Aqidah yang haqiqi akan memberi kewantapan dalam seseorang bahawa hanya Allah sahaja yang Maha Eva dan Maha berkuasa memberikan kehidupan dan mematikan, memberi ketimpinan, kedudukan dan menurunkannya, memberi kemanfaatan dan kemudaratian kepada seseorang.<sup>31</sup>

Keimanan dan keyakinan kepada katinah ini juga akan membebaskan jiwa daripada pengesaan dan ketakutan kepada benda-benda lain

<sup>29</sup> Surah Thaha, ayat 8.

<sup>30</sup> Muhammad bin 'Abdul Wahhab, Muhibbatan Sirah ar-Rasul, Dar al Rasul, Beirut, 1967, hal. 67.

<sup>31</sup> Abdul Karim 'Usman, Ma'alik al-Thaqatih al-Islamiyah, Muassah Risalah, Beirut, cetakan ke 2, 1989, hal. 38.

sejaiti dari Allah. Itu kerana Tuhan yang sejati itu tidak dapat men-  
datangkan sebarang muktadil dan amalnya, <sup>32</sup> untuk itu berlaku dapat  
merasakan kebebasan sejati dan amanah di diri. <sup>33</sup> Ini jelas se-  
bagai iman firman Allah:

**قُلْ لِأَمْلَكَ لِنَفْسِي نَفْحَا وَلَا نَرَا إِلَامَا شَا'َ اللَّهُ  
وَلَوْكَنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ لَا سَتَلْتَرْتَ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا  
مَسْنَى السَّوْءِ إِنَّمَا أَلَانِذِيرُ وَبِشِيرُ لِقَوْمٍ بِيُؤْمِنُونَ**

Maksudnya:

"Katakan aku tidak berkewasa menarik kebaikan dan meno-  
lak bahaya untuk diriku sendiri selain dengan kehendak  
Tuhan. Dan kalaupun kiranya aku megetahui yang ghaib,  
tentulah aku banyak memperolehi kebaikan dan aku tidak  
ditimpa bahaya. Aku hanya seorang pemberi peringatan  
dan pembawa berita gembira bagi kaum yang beriman." <sup>34</sup>

Ayat di atas menjelaskan tentang pengakuan Rasulullah s.a.w.  
bahawa baginda tidak mempunyai apa-apa kuasa selain dari menyampaikan  
berita gembira dan berita mutuuk. Dengan kepercayaan bahawa ke-  
kuasaan hanya bagi Allah dan yang menjadi sebab utama mengapa seseorang  
itu tidak ada kemerdekaan jiwa dan kehormatan diri. <sup>35</sup>

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Dr. Yusuf al-Qardawi, "Iman Keterkesanannya Terhadap Kehidu-  
pan Individu," (ter: Mohd Syukri Mohd), Majalah Da'wah, Ogos, 1981,  
Yayasan Da'wah Islamiah, Kuala Lumpur, hal. 33.

<sup>34</sup> Surah al-Araf, ayat 188.

<sup>35</sup> Ismail Qamus, op. cit., hal. 18.

C. Mengikuti sifat dan arah perkembangan peradaban kebenaran.

Mereka yang menyebutku Allah dan Nabi akan merendahkan jiwa yang berani dan selalu ingin maju, juga akan menganggap murah terhadap kematian dan berhasil penuh iman sedangkan tidak ada yang hak. Ini disebabkan kesedaran budaya hidup dan mati adalah dalam kekuasaan Allah.<sup>36</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t:

**وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمْتُ قَبْلَ أَذْنِ اللَّهِ كَذَلِكَ مَوْجِلاً .**

Maksudnya:

"Tiadalah manusia itu akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai suratan yang dijanjikan."<sup>37</sup>

Seseorang yang beriman akan berwatak berani dalam kebenaran, tidak takut kepada kematian. Mereka yang takut adalah dari golongan yang tidak beriman dan meyakini kalimat syahadah ini. Mereka yang yakin akan berjihad dan berkurban untuk meninggikan agama Allah.<sup>38</sup> Contohnya kita lihat kepada sahabat Rasulullah, di mana mereka semua berjihad di jalan Allah dan menghadapi semua cabaran dengan penuh berani dan sabar. Bilal bin Rabah (r.a) disiksa oleh tuannya dengan mengikat kedua-dua belah tangan dan kakinya. Diseret ke tengah jalan dan dilontarkan dengan batu, dihempaskan ke bumi dan dijemur di bawah

<sup>36</sup>Sayid Sabiq, 'Aqidah Islam, (ter: Mohd Abdi Rathony), C.V. Diponegoro, Bandung, 1974, hal. 19.

<sup>37</sup>Surah al-'Imran, ayat 145.

<sup>38</sup>Ismail Qamus, op. cit., hal. 18.

kepatahan matahari, ditutupi bahan-bahan di atas badannya dan tidak diberi makan dan minum, tetapi belum sebagi menyebut ahad, ahad dari mulutnya.<sup>39</sup> Semua itu tidak merupakan keyamanan Bilal disebabkan aqidah dan keyakinan terhadap kafir dan syahidah itu telah menghasilkan kesabaran dan keberanian menghadapi mati.

Begitu juga kalau kita tiba ketika kaum muslimin di zaman Nabi ditakut-takuti oleh pihak musuh yang akan datang menyerang, mereka sama sekali tidak gusar, malah dengan keimanan itu mereka bertambah berani.<sup>40</sup> Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Imran:

الذين قال لهم الناس ان الناس قد جعوا الکرفا خشوه  
فزادهم راحانا، و قالوا حسبنا الله ونعم الوكيل .

Maksudnya:

"Orang-orang berkata kepada mereka: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka", maka perkataan itu menambahkan keimanan mereka dan mereka menjawab, "cukuplah Allah menjadi Pengeluar kamu dan Allah itu sebaik-baik perlindungan."

Adapun yang membuat seseorang itu menjadi pengecut dan memahikan keazamannya, ada dua perkara iaitu kecintaan kepada diri sendiri, harta dan kepada foluargo atau fittiqad bahawa ada orang

<sup>39</sup> Muhammad Abdul Rauf, Bilal ibn Rabbah, Maryland, Percetakan American Trust, USA, cetakan kedua, 1977, hal. 27.

<sup>40</sup> Dr. H. Hamzah Yaacub, Kulliyyah Ilmu Tauhid, Pustaka Nasional, Singapura , 1988, hal. 7.

<sup>41</sup> Surah al-Imran, ayat 173.

selain Allah yang boleh dimaklumi manusia dan boleh memahak alih mencegah dari menghadapi musibah. Maka Firman berseorang kepadanya bermati la ilaha illallah akan mengeluarkan dia di diri manusia sifat-sifat yang disebutkan di atas.<sup>42</sup>

d. Mencapai ketenangan jiwa.

Ketenangan jiwa adalah sesuatu yang dicari-cari oleh semua manusia. Ketenangan yang sebenarnya tidak akan dirasai melainkan setelah beriman, kerana aqidah itulah yang menjadi puncanya. Di mana seseorang yang beriman itu sentiasa mengingati Allah. Firman Allah s.w.t:

Maksudnya:

"Inginlah hatimu dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang."<sup>43</sup>

Firman Allah dalam ayat yang lain:

الذين آمنوا ولم يلبسوا أعيانهم بغلهم أو انك لهم الامن  
وهم مهتدون .

Maksudnya:

"Orang-orang yang beriman, mereka itu tidak akan mencampurkan keimanan mereka dengan kejahanan, mereka itu memperolehi keamanan, dan itulah orang-orang yang mendapat pimpinan kebenaran."<sup>44</sup>

Dikalau hati telah tenang dan jiwa sudah tenang, maka manusia itu

<sup>42</sup> Abu Al'a Ma'adudi, Prinsip-prinsip Islam, op. cit., hal. 95.

<sup>43</sup> Surah ar-Ra'du, ayat 28.

<sup>44</sup> Surah al-An'am, ayat 32.

pasti akan dapat merasa kelazatan yang tidak dapat dirasakan. Sebaliknya itu ia merasa perlu yakin bahawa perlindungan Allah pasti akan datang kepadanya, kerana Allah sahaja tempat mencari perlindungan dan dia sahaja yang dapat melapangkan diri dari kegesekan.<sup>45</sup>

Jiwa mereka akan sentiasa mengingati Allah di mana sahaja mereka berada. Dengan itu wajudnya ketenangan dalam jiwa mereka dan dari ketenangan itu dapat menghidarkan seseorang itu daripada perasaan keluh kesah. Ini menjadikan hidup seseorang itu sentiasa berada dalam keadaan bahagia dan tenteram.<sup>46</sup> Di dalam Harian "Al-Jumhuriyah" yang diterbitkan di Cairo pada 29hb. November 1962 menjelaskan dalam satu artikelnya, "... Kaum cerdik pandai yang ahli dalam penyakit otak, kini tidak mempunyai suatu senjata yang lebih mujarab atau lebih berpengaruh untuk mengubati penyakit itu melainkan agama... iaitu mempercayai adanya kekuasaan Allah dan berpegang teguh kepada perlindungan Nabi. Mungkin orangnya ahli-ahli yang berpengalaman merawat orang sakit jiwa mengakui bahawa agama merupakan suatu penawar yang dapat memulihkan keadaan kesihatan mental, kekusutan fikiran, ketegangan saraf, keluh kesah, kecemasan dan lain-lain penyakit jiwa.<sup>47</sup>

<sup>45</sup> Ismail Qamus, op. cit., hal. 19.

<sup>46</sup> Afif Abdul Fatah Tabatabai, Ruh al-Din al-Islami, Dar al-Himmat lil Malayin, Beirut, cetakan II, 1973, hal. 172.

<sup>47</sup> Dr. H. Hainzah Yakub, op. cit., hal. 10.

## v. Mempunyai akhlak yang mulia

Keyakinan terhadap kahinungan akhlak ini akan menggerakkan sekalian anggota untuk meninggalkan apa yang disuruh oleh Allah s.w.t dan meninggalkan apa yang dilarangnya. Dengan ini membuatkan hati sentiasa dekat dengan Allah s.w.t, di mana mereka akan mencari ketinggian dan kemahiran dan dapat menghindarkan diri dari kehinaan dan kerendahan moral.<sup>48</sup>

Abu Laits menerangkan dalam soal keimanan ini, ada dua jenis keimanan iaitu jenis pemberian dan dari jenis pinjaman. Dari jenis pemberian ini, maka imannya dapat mencegah dari perbuatan dosa dan gemar melakukan taat dan sebaliknya buan dari jenis pinjaman mereka tidak dapat mencegah dari dosa dan tidak mendorong untuk melakukan ketaatan sebab ia tidak memiliki segala yang dipinjam.<sup>49</sup>

Ibn. 'Abbas pernah berkata:

لكل بنيان أساس واساس الإسلام حسن الخلق .

Maksudnya:  
"Setiap binaan mempunyai asas dan asas Islam adalah akhlak yang baik."<sup>50</sup>

<sup>48</sup> Ismail Qaimus, op. cit., hal. 19.

<sup>49</sup> Abu Laits, Assamargandi, Tantihul Ghazali, (ter: H. Salim Bahreisy, Penerbit Bina Ilmu, Jakarta, 1977, hal. 63).

<sup>50</sup> Imam Abi Hamid al-Ghazali, Ihya' Ulumiddin, Juz 7, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.t., hal. 95.

Dari kata-kata Ibu Abbas al-Bukhari dapatlah kita lihat bahwa mereka yang mengamalkan Islam dengan baik dan menghayati tuntutan-tuntutan syahadah akan melahirkan akhlak yang terpuji sebagaimana yang diutarakan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah.

Al Junaid<sup>51</sup> juga pernah berkata:

**أربع ترفة العبد إلى أعلى الدرجات وإن عمه  
وعله الحكم والتوضع والتحمّل وحسن الخلق  
وهو مكمل الامان**

Maksudnya:

"Ada empat perkara yang dapat mengangkat seseorang itu kepada derajat yang tertinggi, walaupun ia sedikit amal dan imannya, iaitu telas kasihan, merendah diri, murah hati dan baik akhlaknya. Inilah kesempurnaan iman."<sup>52</sup>

Mengikut Abu Ala Maududi, dengan mengimani kalimah ini akan menjadi seseorang itu berusaha membersihkan hatinya daripada kekoran tamak haloba, kecenderungan ke arah kejahatan, hasad, dendri, kekejian, caci maki, tidak pernah tertinggal di dalam hatinya kecederungan untuk sampai kepada kejayaan dengan melalui jalan-jalan yang kotor.

<sup>51</sup> Al-Junaid adalah ahli sufi yang terkenal di abad kesembilan dan kesepuluh Masih. Meninggal dunia pada tahun 297 Hijrah bersamaan dengan 910 Masih. (Uth Prof. Dr. Hamka, Perkembangan Tasauf Dari Abod-le-Abod, Pustaka Nelayu Baru, Kuala Lumpur, 1976, hal. 106-107).

<sup>52</sup> Imam Abi Hamid al-Ghazali, op. cit., hal. 95.

Kejayaan dan kegagalan adalah dengan izin Allah. Adapun orang-orang kafir musyrik dan surtid, mereka percaya bahwa kejayaan dan kegagalan terletak pada amal ibadahnya. Kekuatannya dan lawan yang membantunya.<sup>53</sup>

<sup>53</sup> Abu Ala Maududi, op. cit., hal. 96.

#### 4.2.2 Kesan Syahadah Terhadap Masyarakat

##### a. Membina Perpaduan dan Persaudaraan

Dengan keyakinan kepada kafihah syahadah ini telah melahirkan persatuan ummah yang teguh dan mengagumkan. Kita melihat bagaimana bangsa Arab yang berpecah belah dalam pelbagai suku dan qabilah dan sering bermuzabban antara satu sama lain dapat disatukan dalam satu kesatuan yang besar dan mesra di bawah naungan Tauhid iaitu satu keyakinan terhadap kafihah La Ilaha illallah. Perasaan benci antara satu sama lain telah bertukar kepada perasaan cinta dan kasih sayang dan tembok kesukuan telah diganti kepada tali persaudaraan Islam.<sup>54</sup>

Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Imran:

وَاحْتَصُمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَبِيعاً وَلَا تَنْقِضُوا وَذَكِرُوا  
نَعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً مَا لَفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ  
فَاصْبِرُمْ بِنِعْمَتِهِ أَخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاقٍ حَرَةٍ  
مِنَ النَّاسِ فَانْقِذُ كُمْ مِنْهَا.

Maksudnya:

"Dan berpegangi teguhlah kamu sekelian pada tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah. Ingatlah nikmat Allah ke atas kamu ketika kamu dahulu bermusuh-musuh lalu dipersatukan hati kamu saling bersaudara dan kamu dahulu berada di tepi lobang neraka, maka kamu di lepas kan darinya. Begitulah Tuhan menjelaskan keterangan-keterangannya kepada kamu mudah-mudahan kamu mendapat petunjuk."<sup>55</sup>

<sup>54</sup> Dr. H. Hamzah Yaqubi, op. cit., hal. 14.

<sup>55</sup> Surah al-Imran, ayat 103.

Semasa Rasulullah menyuarakan Islam di Mekah selama 13 tahun, maka sahabat yang empat kali mengajak agama Islam iaitu Abu Bakar, Umar, Othman dan juga Sayidna Ali, juga dari kalangan hamba seperti Bilal, Salman al-Parisi. Semuanya menjadi bersaudara di dalam Islam tanpa apa-apa perbezaan berodusah mengikut aqidah Islamiah iaitu keyakinan terhadap kalimah syahadah.<sup>56</sup> Ini dapat dituliskan sebagaimana firman Allah s.w.t :

اَنَا الْمُؤْمِنُ بِهِ وَهُوَ

Maksudnya:  
"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu berseudara."<sup>57</sup>

b. Mewujudkan keadilan dan persamaan

Islam menganggap setiap orang adalah sebagai hamba Allah. Oleh itu semua orang dapat menikati hak yang sama, status dan perluang yang sama, tidak ada individu, kelas, negara dan bangsa yang mempunyai hak-hak yang lebih, keutamaan-keutamaan yang tertentu atau hak-hak untuk menguasai orang lain. Dengan ini konsep penguasaan manusia atau ketinggiannya ke atas manusia-manusia lain dihapuskan.

<sup>56</sup> Wan Mokhtar Ahmad, "Ke arah Mengakuhan Aqidah Islamiah di kalangan Ummah", Majalah Falwell, Junai 1988, hal. 16.

<sup>57</sup> Surah al-Hujurat, ayat 10.

Resan dari syahadah ini juga dapat menghapaskan segala bentuk prajudis **gabillah**, negara, bangsa, daerah dan warna kulit yang menjadi pemicu utama pertumbuhan dan di dunia ini. Menurut Islam seluruh bumi ini adalah hak milik Allah dan seluruh umat manusia adalah dari keturunan Adam. Ketimpilan dan jati diri diberikan kepada mereka yang paling bertaqwa kepada Allah, yang berbuat sehat dan mereka yang berusaha memurnikan jiwa mereka.<sup>58</sup> Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hujurat, ayat 13 :

يَا يَهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَرْنَ وَإِنَّا جَعَلْنَاكُمْ شَعُوبًا وَقَبَائلَ لِتَعْرِفُو. إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْرَبُهُمْ .

Maksudnya:

Wahai manusia, sesungguhnya kami telah menjadikan kamu dari laki-laki dan perempuan, juga menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa, berqabillah-gabillah, supaya kamu dapat mengenal antara satu sama lain. Sesungguhnya se-mulia-mulia kamu di sisi Allah lalah yang paling bertaqwa.

#### c. Melahirkan keadilan dalam masyarakat

Resan dari syahadah ini juga melahirkan keadilan di dalam masyarakat. Dalam hal ini Prof. Dr. Mahood Syaltout telah menyebut dalam bukunya Islam, Aqidah dan Syariat dengan katanya bahwa Islam

<sup>58</sup> Abu Ala Maududi, Islam dan Datullah, (terj: Abu Amrah), Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1984, hal. 50.

<sup>59</sup> Surah al-Hujurat, ayat 13.

amat menitikberat dan memerlukan masyarakat amat manusia. Ini termasuk dalam soal-soal keadilan yang banyak disebut oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran semada dalam ayat-ayat Makkah atau Madinah. Semada sesama Islam atau dengan buku Islam,60 Firman Allah dalam surah an-Nahl:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الرَّقْبَىٰ  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْسَادِ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah mewajibkan kamu berlaku adil, membuat kebaikan dan memberi kepada kaum kerabat dan Allah melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan keji kemungkaran dan permuasilan. Dia mengajar kamu supaya kamu mengerti."61

Sayid Sabiq telah membahagikan keadilan ini kepada beberapa peringkat, iaitu:<sup>62</sup>

#### I. Keadilan dalam menghukum, sebagaimana dalam firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدِوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا  
حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نَهَا  
يَعْلَمُ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا رَّحِيمًا

Maksudnya:

"Sesungguhnya Tuhan menyuruh kamu memberikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan hendaklah menghukum dengan adil apabila kamu menghukum sesama manusia. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-balkunya kepadamu, sesungguhnya Allah Maha Hendifter lagi Nabi Melihat."63

<sup>60</sup> Prof. Dr. Mahmood Syiout, Islam, Aqidah dan Syariat, (ter.: Hj. Bustami A. Ghani), Jakarta, cetakan ke 2, 1972, hal. 159.

<sup>61</sup> Surah an-Nahl, ayat : 90

<sup>62</sup> Sayid Sabiq, Anasir al-Qurwah fi al-Islam, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, cetakan ke 2, 1978, hal. 149.

<sup>63</sup> Surah an-Nisa, ayat 58.

ii. Berlaku adil dalam percaikan dan penyakitan. Inti jelas sebagaimana firman Allah s.w.t :

وَإِنْ قَاتَلُوكُمْ فَأَوْلَئِكُمْ زَانُوا فِي قُرْبَةٍ وَمَعْدَاهُ  
أَوْفُوا بِذِكْرِكُمْ رَبِّهِ إِنَّمَا تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

"Dan bila kamu berkata, hendaklah kamu berlaku adil walaupun dia adalah kerabatmu, dan tepat ilah janji Allah. Itulah yang disperintahkan kepada kamu, mudah-mudahan kamu ingat."<sup>64</sup>

iii. Berlaku adil terhadap dua orang yang bermusuhi. Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud :

"Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin yang berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat anaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat anaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah. Jika golongan itu telah kembali kepada perintah Allah, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."<sup>65</sup>

Lain-lain keadilan yang disebut oleh Sayid Sabiq ialah berlaku adil terhadap istri-istri, anak-anak dan juga terhadap musuh yang dibenci.

Dariuraian yang telah diberikan di atas, jelas kepada kita bahwa syahadah La ilah illallah memuatkan peranan yang penting dan meninggalkan kesan yang besar kepada masyarakat sehingga mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera.

<sup>64</sup> Surah an-Nisa, ayat 98.

<sup>65</sup> Surah al-Hujurat, ayat 9.